

Beregu wanita tamat kemarau 13 tahun

Natasha, Li Jane negara raih gangsa selepas benam pasangan Colombia

Oleh Helmi Talkah
helmi.talkah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Gandingan boling negara, Natasha Roslan-Sin Li Jane memenangi pingat gangsa dalam acara beregu wanita di temasya Sukan Dunia 2022 yang berlangsung di Alabama, Amerika Syarikat (AS), semalam.

Kejayaan itu hadir selepas pasangan negara itu mengatasi beregu Colombia, Juliana

Franco-Clara Guerrero 235-204, 248-237 dalam aksi penentuan gangsa di Kompleks Konvensyen Birmingham Jefferson.

Pencapaian diraih Natasha-Li Jane menyaksikan mereka menamatkan kemarau pingat dalam sukan boling di temasya berkenaan selepas kali terakhir memenangi dua gangsa pada edisi 2009 di Kaohsiung, Taiwan.

Hadiah untuk Malaysia

Pencapaian terbaik skuad boling negara sebelum ini adalah memenangi emas menerusi Sharon Low-Daniel Lim dalam acara beregu campuran pada edisi 1997 di Lahti, Finland.

“Kami sangat gembira berjaya memenangi gangsa dalam acara beregu wanita. Saya percaya ini adalah pingat pertama selepas 2009.

“Kami gembira dapat bermain

dengan baik dalam perlawanan ini selepas lama tidak menyertai kejohanan antarabangsa. Ini adalah hadiah untuk Malaysia,” kata Li Jane.

Emas dalam acara itu dimenangi pasangan Denmark, Mika Guldbaek-Mai Ginger Jensen yang mengatasi beregu AS, Julia Bond-Shannon O’Keefe 199-184, 182-226, 226-177 dalam aksi final.

Terdahulu, Natasha-Li Jane terlepas tiket ke final selepas tewas di tangan Guldbaek-Jensen 213-248, 215-225 dalam aksi separuh akhir.

Natasha-Li Jane memulakan kempen mereka dengan menyingkirkan Taishaye Naranjo-Pamela Perez dari Puerto Rico 234-164, 203-178 pada pusingan 16 terakhir dan mengetepikan Denise Blankenzee-Samantha Greiner dari Belanda 259-144, 194-188 pada suku akhir.